



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"AL-QURAN: SUMBER ILMU – MUKJIZAT TERAGUNG"

7 April 2023 / 16 Ramadan 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِنِعْمَةِ الصِّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ، وَضَاعَفَ فِيهِ الْأُجُورُ وَالْإِنْعَامُ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصِّيَامُ وَفِي لَيَالِهِ الْقِيَامُ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَامُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ السَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حُسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَّقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena peristiwa Nuzul Quran pada 17 Ramadan bersamaan 8 April, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

"AL-QURAN: SUMBER ILMU – MUKJIZAT TERAGUNG"

Firman Allah SWT, potongan ayat 185 surah al-Baqarah:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَيْنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

Bermaksud: Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dan yang salah.

Al-Quran ialah kalam Allah SWT yang mengandungi pelbagai mukjizat. Wahyu pertama yang diturunkan kepada Baginda SAW bermula pada 17 Ramadan melalui perantaraan Jibrail AS. Wahyu disampaikan berperingkat-peringkat, menempuh dua fasa; di Mekah dan di Madinah, mengambil masa 22 tahun 2 bulan 22 hari. Al-Quran adalah kitab yang terjamin keasliannya serta terpelihara dari

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



segala bentuk penyelewengan manusia seperti maksud firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya".

Para tetamu Allah yang dimuliakan,

Al-Quran ialah sumber rujukan dan panduan lengkap kepada seluruh aspek kehidupan manusia duniawi dan ukhrawi. Al-Quran disifatkan sebagai sumber keaslian ilmu. Terkandung khazanah pengetahuan yang lengkap meliputi segala perkara yang diperlukan manusia dalam membina ketamadunan. Terdapat pelbagai ilmu, hukum hakam, peristiwa dan kisah kejayaan, juga pelbagai cabaran, dugaan, ujian dan pembalasan yang dihadapi oleh umat terdahulu untuk dijadikan petunjuk akan kekuasaan Allah SWT. Sejarah memperlihatkan al-Quran berjaya menyinarkan cahaya panduan, mengeluarkan manusia dari kepompong kegelapan dan kejahilan, menjadikan manusia insan berilmu dan berpengetahuan, berupaya mencorak keperibadian mulia sehingga manusia berjaya membangunkan peradaban masyarakat Islam yang hebat lagi agung.

Al-Quran menjadi penggerak dan pencetus kepada perkembangan ilmu, pendorong kepada lahirnya para ilmuwan dalam pelbagai bidang seperti Abbas Ibnu Firnas yang mempelopori ilmu penerbangan di Sepanyol selain mendalami ilmu kimia dan fizik; Abdur Rahman As Sufi, cendekiawan Islam yang mengembangkan ilmu astronomi, mengkaji perjalanan matahari, bulan serta planet; Ar Razi yang dikenali sebagai tokoh rujukan dalam bidang perubatan.

Sikap mencintai al-Quran, mendampinginya, menjiwainya serta menerokai isi kandungannya ialah sebab yang menjadikan seseorang itu beroleh banyak manfaat. Generasi sahabat dan para ilmuwan Islam sentiasa mengambil masa mempelajari dan menghayati kandungan al-Quran sehingga memberikan kesan yang sangat ajaib kepada jiwa mereka. Firman Allah SWT:

﴿كَتَبْ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكُمْ مُّبَرَّكُ لِيَدْبَرُوا عَمَّا يَكْتُمُهُ وَلَيَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابُ﴾ (٢٩)

Bermaksud: (Al-Quran ini) sebuah Kitab yang kami turunkan kepadamu (dan umat mu wahai Muhammad) Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.
(Surah Sad ayat 29)



Antara keutamaan yang ditekankan al-Quran ialah pembacaan dan pembelajaran. Ayat pertama yang diturunkan kepada Baginda SAW ialah perintah *iqra* iaitu ‘membaca’. Perintah *iqra* atau ‘membaca’ bertujuan melahirkan ummah yang memiliki kematangan berfikir, mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta sikap yang melambangkan masyarakat berilmu. Terkandung pelbagai ayat yang mengangkat kedudukan ilmu pengetahuan dan menghuraikan peranannya dalam kehidupan insan.

Mukminin yang dikasihi,

Al-Quran ialah mukjizat teragung. Pelbagai ilmu terkandung dalam al-Quran, antaranya falsafah, bahasa, syariat, matematik, sains, angkasa, bumi, pertanian, perairan, pengembaraan, pelayaran, pemakanan dan pelbagai lagi; menjadikan bukti akan kebenaran al-Quran yang tidak diragukan sama sekali. Al-Quran mengajak manusia menggunakan akal untuk berfikir dan mata hati untuk merenungi hikmah setiap ciptaan Ilahi. Oleh sebab itu, terdapat beberapa orang cendekiawan bukan Islam, setelah menemui kebenaran fakta saintifik yang terkandung dalam al-Quran, mendapat hidayah untuk menerima Islam. Mimbar memilih menyenaraikan beberapa orang darinya:

Pertama: Dr Maurice Bucaille seorang pakar perubatan Perancis, mengucap dua kalimah syahadah setelah menjalankan kajian terhadap mayat (mumia) Firaun yang ditenggelamkan dalam lautan ribuan tahun dahulu. Penemuan kajian membuktikan punca kematian dan juga sisa garam yang terkandung dalam mayat Firaun bertepatan dengan ayat 92, surah Yunus:

فَإِنَّمَا نُنَجِّيُكَ بِمَدِنَاتِكَ لَتَكُونَ لِمَنْ خَلَقَ كَاءَةٌ

Bermaksud: Maka pada hari ini Kami biarkan engkau (hai Firaun) terlepas dengan badan mu (yang tidak bernyawa daripada ditelan laut), untuk menjadi tanda bagi orang-orang yang di belakang mu (supaya mereka mengambil iktibar).

Kedua: Dr Atsushi Kamal Okuda, saintis dari Jepun memeluk Islam setelah meneliti sepotong ayat berkaitan penciptaan manusia, ayat 26 surah al-Hijr:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا إِلَّا سَكَنَ مِنْ صَلْصَلٍ مِنْ حَمَّامَسْوُنِ ﴿٢٦﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.



Ketiga: Dr Jeffry Lang seorang Profesor Matematik yang berfahaman ateis (kepercayaan tiada Tuhan), terbuka hatinya mendalami Islam melalui kajian surah al-Fatiyah, kemudiannya beliau mengesan kandungan al-Quran adalah benar datangnya dari Tuhan dan bukannya kitab tulisan manusia.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran adalah semulia-mulia kitab. Membacanya diganjari dengan kebaikan, mendengarnya mendamaikan jiwa, al-Quran ialah penyuntik semangat, penyembuh rohani, meningkatkan iman dan mampu mengubah sifat manusia menjadi lebih baik. Mimbar menyenaraikan beberapa kesimpulan dan saranan berikut:

Pertama: Al-Quran ialah sumber rujukan kehidupan manusia. Kitab ilmu yang mengandungi pelbagai pengajaran bagi orang-orang yang bertakwa.

Kedua: Dampingi al-Quran, jadikannya teman hidup, walaupun hanya dengan membaca sepotong ayat setiap hari. Mulakan kehidupan harian dengan membaca sekurang-kurangnya sepotong ayat al-Quran, demikian juga sebelum tidur. Perbanyak membaca al-Quran, kelak ia memberi pertolongan di akhirat dan ketika bersendirian di alam barzakh.

Ketiga: Manfaatkan teknologi moden dalam pengajaran al-Quran atau wujudkan kaedah pengajaran yang menarik minat anak-anak mendalami al-Quran, menerokai isi kandungan dan mukjizatnya serta mengamalkannya dalam kehidupan.

Keempat: Di samping membaca dan menghafal, bimbing anak-anak mengenali maksud dan terjemahannya agar kandungan al-Quran dapat difahami lantas dihayati.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةٍ وَيُكَافِئُ مَزِيدَهِ . أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ .

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ . اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸ ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ
بَيْنِهِمْ وَالْأَفْلَفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعُلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ
اللهِ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ .

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Muliakan kami dengan al-Quran, bimbing kami untuk menjadikannya sebagai panduan kehidupan. Kurniai kami kekuatan untuk sentiasa membacanya setiap hari, menghayati isi kandungannya serta mengamalkannya dalam kehidupan kami. Engkau mudahkan urusan kami, lapangkan jiwa kami, sembuhkan penyakit kami dan golongkan kami dalam kalangan orang yang bertakwa di sisi Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَيْ نِعْمَتِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.